

31/10/2000

Puteri Umno jadi entiti berasingan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini memutuskan Puteri Umno akan menjadi entiti berasingan daripada Pergerakan Wanita dan statusnya juga bukan sebagai sebuah kelab.

Mesyuarat MT lebih tiga jam itu juga bersetuju supaya Ketua Puteri Umno secara automatik menjadi ahli MT. Bagaimanapun kelayakan umur ahli pertubuhan itu belum diputuskan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata, pindaan kepada perlembagaan parti akan memberi kuasa kepada MT untuk menubuhkan Puteri Umno dan membuat peraturan berkaitan.

"Ini akan dibuat pada mesyuarat kemudian. Kita tetap menubuhkan Puteri," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Penubuhan Puteri Umno yang dicadangkan ahli MT, Azalina Othman mendapat pelbagai reaksi termasuk bantahan daripada beberapa pemimpin Wanita Umno terutama berhubung had umur sehingga 40 tahun.

Mesyuarat Exco Pergerakan Wanita Umno di Kuantan awal bulan ini bagaimanapun bersetuju menetapkan had umur keahlian bagi Puteri Umno bawah 25 tahun, berbanding cadangan asal iaitu bawah 40 tahun.

Ditanya mengapa Ketua Puteri Umno tidak dilantik secara automatik sebagai salah seorang Naib Presiden Umno seperti kedudukan Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno, Dr Mahathir berkata: "Itu keputusan kita (MT)".

Mengenai kedudukan Puteri Umno sama ada ia diletakkan di bawah Pergerakan Wanita, beliau berkata ia adalah entiti lain dan tidak sama dengan kedudukan Pergerakan Pemuda.

Bagaimanapun, katanya, kedudukan Puteri Umno adalah selari dengan Pemuda. Secara berseloroh, beliau berkata: "Tak ada bawah (pergerakan Pemuda), semuanya selari. Pemuda tidak duduk di bawah Wanita, Wanita tidak duduk di bawah Pemuda."

Dr Mahathir menjelaskan, kelayakan umur menjadi ahli Puteri Umno akan ditentukan oleh MT kemudian.

Untuk itu, fasal 21 dalam perlembagaan Umno akan dipinda dengan menambah perkataan 'puteri' dan cadangan mengenainya akan dibentangkan di Perhimpunan Agung Khas Umno 18 November ini.

Mesyuarat hari ini turut memberi kuasa kepada Presiden parti untuk melantik 12 ahli MT dilantik, daripada 10 sekarang khusus untuk wakil Pergerakan Pemuda dan Wanita.

(END)